



# PENYELEWENGAN ALIRAN PEMIKIRAN MODEN: TUMPUAN TERHADAP KEKELIRUAN DAN KECELARUAN PEMAHAMAN MEREKA TERHADAP ISU-ISU DALAM ISLAM

Oleh:

Mohd al-Ikhsan Ghazali (City Campus UTM)

Faisal Ahmad Shah (UM)

## ABSTRACT

*Islamic thought discourse nowadays had witnessed the emergence of the variety of modern thought which included among them those who presents liberal and prejudice thinking in interpreting Islamic teaching such as anti hadith and liberal movement. This article discuss about their confusion and misunderstanding towards main issues in Islam and Muslim society. Their argument in supporting their views will be present and discuss convincingly with solid evidence and facts.*

## PENDAHULUAN

Gerakan aliran pemikiran moden muncul di kebanyakan dunia Islam pada abad ke 19 dan 20. Gerakan ini muncul dengan tujuan untuk melakukan pembaharuan dalam pemikiran masyarakat Islam bagi membolehkan mereka menyaingi kemajuan pemikiran yang dibawa oleh barat. Seruan mereka yang utama ialah ke arah pentafsiran semula sebahagian ajaran-ajaran Islam yang dilihat tidak praktikal untuk dilaksanakan pada masa kini. Namun kelampauan mereka dalam penggunaan akal semata-mata menyebabkan mereka menafsirkan ajaran agama sehingga merubah perkara-perkara prinsip dalam Islam yang telah disepakati oleh para ulama sejak sekian lama. Mereka menggunakan istilah liberalisasi bagi menunjukkan bahawa masyarakat Islam sedang terbelenggu dengan ikatan tradisi. Lebih buruk lagi ada golongan daripada gerakan ini yang menolak hadith-hadith nabi dengan tuduhan yang berdasarkan logik akal mereka semata-mata.



## DEFINISI PEMIKIRAN

Pemikiran menurut Kamus Dewan adalah perihal berfikir (memikir)<sup>1</sup>. Pemikiran juga ialah proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea atau ciptaan dan membuat pertimbangan yang wajar, bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dan seterusnya membuat *refleksi* dan *metakognisi* terhadap proses yang dialami<sup>2</sup>. Pemikiran juga dikatakan sebagai keupayaan menyelesaikan masalah dengan fahaman bukan dengan dengan perbuatan<sup>3</sup>.

Nasib setiap insan di bumi ditentukan sendiri oleh pemikirannya, malah semua makhluk yang mempunyai daya fikir bebas menentu sendiri bentuk dan cara bagaimana ia harus berfikir. Kisah Adam a.s. yang diusir dari syurga, kisah Iblis yang dilaknat Allah s.w.t. hingga kiamat dan kisah Malaikat yang setia patuh kepada perintah Allah s.w.t. semuanya merupakan contoh betapa nasib ditentukan oleh fikiran sendiri.<sup>4</sup>

## DEFINISI PEMIKIRAN ISLAM

Pemikiran Islam pula ialah suatu istilah yang merujuk kepada setiap hasil pemikiran umat Islam mencakupi pengetahuan yang berhubung dengan Allah s.w.t., alam dan manusia. Ia adalah ijтиhad akal manusia dalam mentafsirkan pengetahuan umum menurut prinsip akidah, syariah dan akhlak Islam.<sup>5</sup> Pemikiran Islam adalah ijтиhad dan berbeza dengan agama yang berupa wahyu Ilahi, sebab agama bukanlah pemikiran, falsafah atau tasawwur yang merujuk kepada hasilan akal manusia dalam sejarah yang panjang sama ada dalam kitaran masyarakat Islam atau bukan Islam. Pemikiran adalah menjadi asas kemajuan dan perubahan, tetapi di dalam konteks Islam mestilah bersumberkan kefahaman kepada al-Qur'an dan sunnah dan tidak kepada sumber-sumber asing dari sumber-sumber Islam.<sup>6</sup>

1 Kamus Dewan, hlm. 352.

2 Bahagian Pendidikan Guru, Modul Latihan Guru Sekolah Bistari, Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif, <http://mahirkbkk.tripod.com/>

3 Abdul Halim al-Sayyid, *Ilmu al-Nafs*, Maktabah Gharib, hlm. 45.

4 Dr. Abdul Hayei b. Abdul Syukur, Pemikiran Imam Shafei Dan Perkembangannya Di Nusantara, Seminar Imam Shafei, anjuran Kerajaan Negeri Perlis dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis di Institut Latihan Perindustrian, Jalan Padang Bohor, Kangar, pada 29 Okt. 2001.

5 Dr. Muhsen Abdul Hamid, *al-Fikr al-Islami*, Baghdad, 1986, hlm. 7.

6 Mohamad Kamil Ab. Majid, Prof Madya, Pemikiran Islam Menghadapi Cabaran-Cabaran Abad Yang Ke-21, Seminar Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa: Pergkat Kebangsaan Anjuran Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, UTM, Jalan Semarak, KL, 24 April 1994, hlm.3-5.



## *Penyelewengan Aliran Pemikiran Moden : Tumpuan Terhadap Kekeliruan Dan Kecelaruan Pemahaman Mereka Terhadap Isu-Isu Dalam Islam*

Pada umumnya terdapat empat aliran besar dalam pemikiran Islam:

Pertama; aliran yang bersumberkan wahyu semata-mata, ia merupakan pegangan Nabi s.a.w. dan para pengikutnya yang menjadi generasi pertama Islam. Rujukan mereka hanyalah al-Qur'an dan sunnah, oleh itu sukar untuk dikatakan wujudnya pemikiran Islam pada ketika ini.

Kedua; aliran yang bersumberkan wahyu dan akal, di mana wahyu sebagai asas dan akal sebagai pembantu. Aliran ini muncul berikutan pergolakan yang berlaku di kalangan umat Islam sendiri selepas kewafatan Rasullullah s.a.w. di samping sebagai reaksi terhadap pengaruh tamadun asing terhadap umat Islam. Di kala ini timbul pelbagai mazhab dalam bidang Ilmu Kalam, Ilmu Fekah dan Ilmu Tasawwuf hasil daripada berlebih-kurangnya sesuatu mazhab merujuk kepada sumber wahyu (al-Qur'an dan hadith) ataupun akal. Di sini, pemikiran Islam berkembang pesat melalui kegiatan ijтиhad melalui berbagai kaedah seperti qiyas, ijma<sup>c</sup>, istihsan, istislah (masolih al-mursalah), ḥuruf dan sebagainya.

Ketiga; aliran yang bersumberkan akal sebagai asas dan wahyu sebagai penyokong. Mereka terpengaruh dengan falsafah dan logik yang berasal daripada tamadun Yunani. Penggunaan akal yang melampau ini telah ditentang hebat oleh ulama-ulama Islam seperti Imam Shafie, Imam al-Ghazali, Ibn Solah, Imam al-Nawawi, Syeikh Islam Ibn Taimiyyah dan al-Suyuti. Bagi sesetengah ulama yang mengharuskan ilmu falsafah dan logik dipelajari meletakkan syarat yang ia tidak bercampur-baur dengan unsur-unsur yang boleh merosakkan akidah, syariat dan tidak disalahgunakan. Di antara ulama yang mengharuskannya ialah Imam al-Ghazali dan Ibn Hazm.

Keempat; aliran yang bersumberkan akal semata-mata. Aliran ini tidak boleh dikatakan sebagai aliran pemikiran Islam pada hakikatnya walaupun mereka mendakwa mereka Islam. Mereka sebenarnya mewarisi tradisi berfikir barat yang mengukur sesuatu berdasarkan logik semata-mata.<sup>7</sup>

Di antara empat aliran pemikiran Islam di atas, hanya dua aliran pertama sahaja yang boleh diterima sebagai aliran yang benar. Dua aliran itulah yang pelopori oleh para ulama yang muktabar dahulu dan sekarang. Ada pun dua aliran pemikiran yang terakhir merupakan aliran yang menyeleweng dan telah tergelincir daripada landasan kebenaran. Melalui dua aliran terakhir inilah berkembang biaknya ajaran-ajaran yang sesat

<sup>7</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*, Universiti Sains Malaysia, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Edisi ke-2, 2005, hlm. 95-99.



dahulu dan sekarang seperti muktazilah, anti-hadith dan sebagainya.

Dalam artikel ini penulis akan membincangkan mengenai aliran pemikiran moden yang wujud di Malaysia antaranya golongan anti hadith dan golongan Islam liberal.

## **KEKELIRUAN DAN KECELARUAN PEMAHAMAN ALIRAN PEMIKIRAN MODEN TERHADAP ISU-ISU DALAM ISLAM**

Kecelaruan pemikiran aliran pemikiran moden antaranya berpunca berpunca daripada ketidakfahaman mereka terhadap istilah-istilah yang diguna-pakai dalam Islam. Justifikasi kejahilan dalam perkara ini bukanlah perkara ringan yang tidak memberi kesan kepada ketetapan syariat. Terlalu banyak keputusan-keputusan yang agak asing terbit daripada ketidakfahaman ini. Antara isu-isu yang menggambarkan kecelaruan pemikiran mereka ialah seperti berikut:

### **a) Pintu Ijtihad**

Mereka berpendapat, punca kemunduran dan kelemahan umat Islam masa kini adalah lanjutan daripada penutupan pintu ijtihad di zaman Imam Shafie r.h.m (820M). Imam Shafie merupakan perintis kepada kaedah perundungan Islam yang meletakkan hadith separas dengan al-Qur'an. Metodologi yang mengonkong dan jumud ini akhirnya menyebabkan kejatuhan umat Islam sehingga ke hari ini.<sup>8</sup>

Justeru itu, mereka mahu umat Islam meninggalkan metodologi Imam Shafie tersebut dan berpegang terus kepada al-Qur'an untuk kembali bersinar dan terus maju. Di waktu yang sama, mereka melaungkan pembukaan pintu ijtihad adalah prasyarat utama ke arah kemajuan umat Islam. Adalah tidak menjadi masalah sekiranya seruan mereka itu sekadar seruan membuka pintu ijtihad, kerana perkara ini juga dituntut oleh kebanyakan ulama Islam. Pada hakikatnya, kemahuan mereka ialah membuka dengan seluas-luasnya pintu ijtihad dan menuntut kebebasan berfikir dalam apa juar bidang.

### **b) Hak Dan Tanggungjawab**

Terdapat dua perkara besar dalam kekeliruan mereka terhadap isu hak yang menjadi salah satu argumentasi penting mereka. Pertama ialah mereka mencampuradukkan di antara dua perkara iaitu hak dan

<sup>8</sup> Kasim Ahmad, Perbincangan Tentang Islam Dalam Abad ke-21, al-Islam, April 2006, hlm.76.



## Penyelewengan Aliran Pemikiran Moden : Tumpuan Terhadap Kekeliruan Dan Kecelaruan Pemahaman Mereka Terhadap Isu-Isu Dalam Islam

tanggunjawab. Setengah-setengah tindakan mereka itu menggambarkan mereka sebenarnya tidak memahami perbezaan di antara kedua-duanya. Contohnya, dalam isu aurat wanita, mereka berpendapat bahawa menutup aurat adalah hak wanita. Terpulang kepada diri wanita itu sendiri sama ada mahu menutupnya atau tidak. Siapa pun tiada hak mencampuri urusan ini. Realitinya, aurat adalah persoalan tanggugjawab setiap individu muslim. Ironinya, setiap muslim bertanggungjawab menjaga aurat masing-masing dan pihak yang mempunyai autoriti mestilah memastikan orang-orang di bawah jagaan mereka mengaplikasikannya.

Kejahilan golongan menyeleweng ini terserlah apabila mereka asyik leka memperjuangkan hak-hak mereka sehingga mereka mengabaikan tanggungjawab mereka. Inilah perkara kedua yang ingin diutarakan di sini. Kehilangan atau tidak memperolehi hak bukanlah satu isu yang besar kalau dibandingkan dengan kecuaian dalam tanggungjawab. Tidak menjalankan tanggungjawab adalah satu dosa, sebaliknya seseorang itu tidak dihukumkan berdosa di atas kegalangannya untuk mendapatkan hak-haknya. Interpretasi yang songsang itu membawa mereka kepada perjuangan menuntut hak-hak mereka seperti gender equaliti (kesetaraan gender) dalam semua hal, hak isteri pertama dalam perkahwinan poligami, pewarisan, pemakaian dan sebagainya.

Kesibukan dengan isu-isu selektif yang biasanya berkaitan dengan hak-hak wanita menyebabkan isu-isu yang lebih penting dan meruncing tidak menjadi prioriti mereka. Alangkah baiknya, sekiranya mereka berjuang mempertahankan maruah wanita yang dijadikan barang dagangan, pelacur, alat penghibur, perempuan simpanan, bahan iklan dan sebagainya.

### c) Adil Dan Samarata

Mereka menggunakan neraca keadilan untuk menuntut sesuatu yang tidak diberi oleh Islam kepada mereka. Keadilan bagi mereka adalah kesamarataan dalam apa jua bidang. Sama ada tindakan mereka ini disengajakan atau tidak, *hermeneutik* (penafsiran) mereka terhadap keadilan adalah silap.

Maksud keadilan menurut kacamata syarak ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Oleh itu keadilan tidak boleh disamakan dengan kesamarataan dalam semua hal. Kadangkala, kesamarataan itu adalah keadilan, kadang-kadang tidak. Begitu juga dengan keadilan, kadangkala ia adalah samarata, kadang-kala tidak. Sebagai contoh, seorang ayah ada dua orang anak. Si abang belajar di universiti dan si adik belajar di sekolah rendah. Dari segi kesamarataan, sekiranya si ayah memberi kepada si adik



RM 30 sebulan iaitu seringgit sehari untuk belanja di sekolah, kadar yang sama juga mestilah ia berikan kepada si abang. Pembahagian ini adalah tidak adil, si abang seorang yang dewasa dan belajar di universiti pastilah memerlukan belanja yang lebih.

d) ***Misogynist (Bias Gender)***

Allah s.w.t. menjadikan makhluk-Nya secara berpasangan<sup>9</sup> agar mereka lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Kedua-duanya dijadikan Allah s.w.t. dalam sebaik-baik bentuk<sup>10</sup> yang mempunyai persamaan dan perbezaan yang nyata. Apabila Allah s.w.t. menjadikan seseorang itu lelaki, maka diberikan sifat-sifat kelakian kepadanya. Begitu juga apabila Allah s.w.t. menjadikan seseorang itu perempuan diberikan sifat-sifat keperempuanan kepadanya. Bagi seorang lelaki, secara umumnya Allah s.w.t. jadikan tubuhnya kuat dan perkasa, penyabar, pemurah, berpandangan jauh dan sebagainya. Perempuan pula dijadikan-Nya seorang yang cantik, tubuh badan yang tidak sekutu lelaki, emosional, cermat, berpandangan semasa dan sebagainya.

Maha suci Allah s.w.t. menjadikan perbezaan ini untuk meninggikan satu kaum dan merendahkan kaum yang lain. Sebaliknya, perbezaan itu adalah satu kesempurnaan. Bayangkanlah, apa yang akan berlaku sekiranya suami dan isteri itu dijadikan tubuh badan meraka kuat dan perkasa? Sejahterah keluarga sekiranya kedua-duanya dijadikan orang yang emosional? Berlakukah amalan sedekah atau derma sekira kedua-duanya kedekut? Apa lagi yang tinggal di rumah kalau kedua-dua bersifat pemurah?

Sudah menjadi lumrah, setiap orang sayang kepada diri sendiri, bangsa sendiri, bahasa sendiri, negara sendiri dan termasuk juga jantina sendiri. Mereka akan mempertahankan hak masing-masing apabila dicerobohi, memperjuangkannya sekiranya tidak diberi dan ada yang sanggup berkorban harta dan jiwa kerana menegakkan ideologi ini.

Kumpulan-kumpulan yang menyeleweng seperti feminism Islam, mereka mempunyai *justifikasi* sendiri, yang telah memandu mereka ke arah perjuangan tersebut. Mereka berpandangan, Islam tidak pernah membezakan di antara dua jantina, selama ini para ulama tradisionalis-konservatif yang *menginterpretasi* Islam dalam bentuk salah sehingga wujudnya masalah bias gender yang selalunya memihak kepada lelaki. Alasan yang diberikan oleh kumpulan-kumpulan yang menyeleweng itu adalah *retorik* semata-

9 Lihat: al-Qur'an, surah Yasin 36:36.

10 Lihat: al-Qur'an, surah al-Tin 95:4.



## Penyelewengan Aliran Pemikiran Moden : Tumpuan Terhadap Kekeliruan Dan Kecelaruan Pemahaman Mereka Terhadap Isu-Isu Dalam Islam

mata, kerana perjuangan mereka bukan sekadar *protektif*, malah mereka sebenarnya telah *over protektif* dan telah mula bersikap menyerang menuntut hak-hak yang selama ini dimonopoli oleh lelaki.

### e) Kebebasan Beragama

Pada mereka kebebasan beragama bererti setiap orang bebas keluar masuk sebarang agama yang mereka minati. Justifikasi mereka ialah ayat al-Qur'an yang bermaksud: Tiada paksaan dalam agama.<sup>11</sup> Penafsiran mereka ini berbeza dengan apa yang ditafsirkan oleh para *mufassirin*. Tafsiran yang sebenar ialah orang kafir itu tidak boleh dipaksa memeluk Islam. Keislamannya adalah pilihannya sendiri setelah diberi hidayah oleh Allah s.w.t.<sup>12</sup>

Tafsiran songsang ini menyebabkan mereka berpandangan bahawa amalan murtad bukan satu kesalahan atau jenayah yang boleh dihukum di dunia. Al-Qur'an sendiri menurut mereka tidak pernah meletakkan hukuman tertentu kepada orang yang murtad. Hukuman bunuh yang selama ini dipegang oleh para ulama Islam adalah berlandaskan hadith yang bercanggah dengan al-Qur'an dan ia adalah hadith ahad yang sememangnya tidak boleh dibuat hujah.

### f) Masyarakat Majmuk Bangsa Dan Agama

Menurut mereka penafsiran Islam sebagaimana yang ada sekarang ini adalah tafsiran kuno yang kalau sesuai pun ia adalah untuk orang-orang yang hidup di zaman itu. Ajaran-ajaran Islam yang ada sekarang agak bias kepada orang Arab, kerana nabi yang diturunkan Islam kepadanya adalah orang Arab. Begitu juga dengan pengikut nabi yang rata-ratanya adalah berketurunan Arab. Maka dengan itu, Islam digambarkan dengan berjubah, berserban, berpurdah, makan tamar, makan roti, naik unta dan sebagainya. Sebaliknya, orang yang tidak berjubah, berserban, tidak memakai tudung atau purdah, tidak suka tamar dan sebagainya adalah tidak islamik.

Islam versi mereka ialah Islam yang menghormati budaya, adat dan agama orang lain. Islam haruslah bersikap *toleransi* ketika *berinteraksi* dengan kepelbagaiannya kaum, adat, budaya dan agama. Alasan mewujudkan keharmonian dan *intergriti* antara kaum dan agama sering dijadikan modal untuk menghalalkan *implimentasi* mereka itu. Natijahnya, amalan seperti kongsi raya, mengucap dan menjawab salam dengan non-muslim dan

11 Lihat: al-Qur'an, surah al-Baqarah 2:256.

12 Ibn Kathir, Ismail b. Kathir, tafsir al-Qur'an al-Azim, Dar al-Rayyan lil al-Turath, Kaherah, ctk.1, 1988/1408H, jzk. 1, hlm.294.



sebagainya adalah harus di dalam Islam dan patut diteruskan.

Sebetulnya, budaya, adat dan agama orang lain itu menghormati Islam sebagai agama asasi dalam negara. Islam tidak menentang secara total semua budaya luar, malah Islam membenarkannya selagi mana ia tidak bercanggah dengan asas-asas dan nilai-nilai yang telah ditetapkan oleh Islam. Seorang melayu yang memeluk Islam, dia masih boleh memakai kain pelikat, berbaju melayu, berbaju kurung, bertengkolok dan bersampin selagi mana tidak bercanggah dengan ketetapan syarak seperti mendedahkan aurat, memakai sutera bagi lelaki dan perempuan memakai pakaian yang khusus bagi lelaki.

### g) Kemuliaan Dan Kehinaan

*Worldview* Islam menetapkan kemuliaan seseorang bergantung kepada ketakwaan.<sup>13</sup> Kelebihan meterial bagi seseorang bukanlah menandakan kemuliaannya. Begitulah sebaliknya, kehinaan seseorang adalah kerana jauhnya hubungan seseorang itu dengan Allah s.w.t. dengan melakukan kemaksiatan atau meninggalkan kewajipan. Sebagaimana kekurangan material bukanlah melambangkan kehinaannya.<sup>14</sup> Ketika Islam menempatkan lelaki sebagai pemimpin dalam rumah tangga dan wanita sebagai pengurus domestik, ia sama sekali tidak bertujuan untuk merendahkan martabat wanita. Falsafah kepimpinan di dalam Islam tidak dikaitkan dengan kemuliaan dan kerendahan; akan tetapi kepimpinan adalah tanggung jawab yang berat dan merupakan satu tugas yang akan dipertanggung jawabkan suatu hari kelak.<sup>15</sup>

Mereka telah terpengaruh dengan neraca pengukuran Barat dalam membuat penilaian kemuliaan dan kehinaan seseorang. Implikasinya, neraca material digunakan untuk buat ukuran. Sesiapa yang berharta, glamour, berpangkat dan berkuasa dianggap orang yang mulia. Sebaliknya, sesiapa yang miskin, tidak ternama, tidak berpangkat dan tiada sebarang kuasa dianggap orang yang hina. *Interpretasi ini diadaptasikan* oleh mereka dalam memperjuangkan isu-isu wanita. Wanita menurut mereka sudah sekian lama terhina dengan tidak diberi hak-hak yang sama dengan lelaki dalam pemilikan harta, pangkat dan kepimpinan. Wanita juga dihina dengan arahan menyuruh mereka menutup keseluruhan tubuh badan mereka kecuali muka dan tapak tangan, tidak dibenarkan keluar rumah dan tidak dibenarkan

13 Lihat: al-Qur'an, surah al-Hujurat 49:13.

14 Lihat: al-Qur'an, surah al-Fajr 89:15-16.

15 Khalif Muammar b. A. Harris dan Adibah Mukhtar, Perdebatan Kontemporari Mengenai Kesetaraan Gender: Islamis Versus Feminis Muslim, Proceedings International Seminar On Muslim Women, anjuran UTM, 2&3 April 2005, Sofitel Palm Resort, Johor, hlm. 735.



*Penyelewengan Aliran Pemikiran Moden : Tumpuan Terhadap Kekeliruan Dan Kecelaruan  
Pemahaman Mereka Terhadap Isu-Isu Dalam Islam*

bebas bergaul dengan orang ramai. Sehubungan dengan itu, kemuliaan wanita mesti diperjuangkan. Segala hak yang selama ini *didominaskan* oleh lelaki mestilah diberikan juga kepada wanita. Mereka menuntut; apa jua yang adat berikan kepada lelaki mestilah diberikan juga kepada wanita, apa jua yang negara berikan kepada lelaki mestilah diberikan juga kepada wanita dan apa jua yang agama berikan kepada lelaki mestilah diberikan juga kepada wanita.

**h) Islam Bukan Hak Ulama**

Islam bukan hak ulama semata-mata, malah ia adalah hak seluruh umat Islam. Jesteru itu, sesiapa sahaja berhak untuk memberi pandangan dalam permasalahan keagaaman tidak semestinya khusus kepada para ulama. Lagi pun ulama tidak semestinya orang yang pakar dalam bidang agama. Semua orang yang pakar dalam apa bidang pun mereka adalah ulama, mereka adalah pewaris para nabi. Itu tanggapan mereka sehingga mereka mengharuskan sesiapa sahaja untuk bercakap tentang Islam, walaupun dia adalah sejahil-jahil manusia berhubung dengan Islam.

Ulama atau alim dari segi bahasanya betul menunjukkan seseorang itu mengetahui dan pakar dalam apa bidang sekali pun. Tetapi dari segi istilah syarak, ulama ialah orang yang pakar dalam bidang agama. Dalil yang menunjukkan demikian ialah firman Allah s.w.t.<sup>16</sup> :

إِنَّمَا تَخَشَّىُ اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَوْا إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ

*Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.*

Para ulama merupakan golongan yang paling takut kepada Allah s.w.t. kerana mereka lahir dalam golongan yang paling tahu berkenaan dengan syariat Allah, suruhan dan larangan Allah, apa yang disukai dan apa yang dibenci Allah. Mereka juga orang yang paling tahu berkenaan dengan ganjaran orang yang taat kepada Allah dan juga paling mengerti dengan hukuman yang akan dikenakan kepada sesiapa yang menginkari perintah Allah. Hadith Nabi s.a.w. yang berikut menguatkan lagi penakrifan ini.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ إِنْتَرَاعًا يَنْتَرِعُهُ مِنَ النَّاسِ، وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ، حَتَّى إِذَا لَمْ يَقْبِضْ عَالِمًا اخْتَذَ النَّاسُ رَؤُوسًا جَهَالًا، فَسَلَّوْا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ، فَضَلَّوْا وَأَضَلُّوا. مُتَفَقُ عَلَيْهِ

16 Al-Qur'an, surah al-Fatir: 28.



*Daripada Abdullah b. Amru r.a katanya: Aku dengar Rasullullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak mencabut ilmu begitu sahaja daripada manusia, tetapi Ia mencabutnya dengan mematikan ulama, sehingga apabila tiada lagi ulama, manusia akan pergi kepada para pemimpin yang jahil, lalu pemimpin itu ditanya dan mereka menjawab dengan tanpa ilmu, maka jadilah mereka sesat dan menyesatkan.<sup>17</sup>*

Hadith Nabi ini menunjukkan ilmu semakin berkurangan dengan kematian para ahlinya. Realiti sekarang ini, ilmu selain daripada ilmu agama semakin berkembang dan maju. Pelbagai penemuan dan ciptaan dihasilkan dalam berbagai bidang seperti kedoktoran, sains, kejuruteraan, komunikasi dan sebagainya. Sebaliknya, ilmu keagamaan semakin berkang dengan kematian pakar-pakarnya. Sebagai contoh, selepas kematian Syeikh Nasiruddin al-Albani r.h.m. sukar untuk dicari lagi seorang yang alim dalam hadith sepertinya.

Betul sangkaan mereka itu, Islam memang bukan hak para ulama. Ulama sebenarnya bertanggungjawab menjaga Islam sebagaimana yang diinginkan oleh Allah dan RasulNya. Ulama bertugas menerangkan kepada orang ramai maklumat dan hukum-hakam syariat Islam. Orang ramai tidak dibebankan bersusah payah berfikir mencari hukum yang sesuai dengan mereka. Cukuplah dengan kepercayaan mereka kepada para ulama. Ulama yang muktabar adalah berilmu dan thiqah, kebarangkalian untuk seorang ulama itu bertindak kerana kepentingan diri sendiri amat jauh kalau dibandingkan dengan orang lain.

Pada awal tahun 80-an pihak YADIM telah menganjurkan satu ijtimak ulama se-Malaysia. Satu garis panduan telah diputuskan untuk mengelak salah faham berhubung dengan definisi ulama. Garis panduan tersebut telah memutuskan ulama ialah ahli ilmu pengetahuan dan mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Mendapat pendidikan agama secara formal
- ii. Menguasai bahasa Arab dan memahami kitab-kitab agama yang muktabar
- iii. Dapat menyampaikan ilmunya dengan hikmah dan bijaksana

<sup>17</sup> Al-Bukhari, sahih al-Bukhari, kitab al-Ilmu, bab kaifa yuqbadu al-Ilmu, jzk.1, hlm.234, Muslim, Sahih, kitab al-Ilmi, bab Raf'u al-Ilmi, jzk.16, hlm.437.



iv. Beramat dengan ilmunya<sup>18</sup>

i) **Iman Di Dalam Hati**

Mereka menghalalkan sesetengah tindakan mereka itu dengan mengatakan bahawa ia tiada kaitan dengan keimanan seseorang. Iman adalah di hati bukan pakaian atau kelakuan seseorang. Seorang wanita yang berpakaian seksi tidak boleh dikatakan sebagai tidak beriman kerana kita tidak tahu hati budi seseorang. Kata Zainah Anwar:

*“...adakah tepat menjadikan mereka yang tidak bersembahyang maghrib sebagai satu kesalahan jenayah? .... Perkara-perkara yang dianggap jenayah dan akhlak yang baik itu sewajarnya datang daripada kesedaran agama individu muslim, bukan penguatkuasaan undang-undang.”<sup>19</sup>*

j) **Khilaf**

Musuh-musuh Islam menggunakan isu ini untuk sama-sama terlibat untuk mengeluarkan pandangan. Menurut mereka, ulama-ulama Islam sendiri tiada persefakan sesama mereka, tiada persefakan ini jelas dengan wujudnya penafsiran al-Qur'an yang berbeza di kalangan *mufassirin*<sup>20</sup>, wujudnya mazhab-mazhab sama ada dalam perkara akidah \

Apabila seorang ulama itu telah mencapai satu tahap yang tertentu ia akan mula berijtihad. Implikasinya, akan wujudlah khilaf di antara ulama ketika mengeluarkan pandangan mereka dalam sesuatu perkara yang tiada nas atau dalam memahami maksud sesuatu nas<sup>21</sup>. Khilaf juga boleh berlaku dalam mentashihkan hadith dan *mengistinbatkan* hukum daripadanya.<sup>22</sup> Khilaf berlaku kerana tidak semua ulama mempunyai pandangan yang sama. Metodologi dalam fekah, usul fekah, hadith dan usul hadith mereka

18 Mohd Shahir Abdullah, Definisi Ulama Malaysia, al-Islam, Mei 2003, hlm. 44.

19 Lihat: Lihat: Noorzila Jamaluddin dan Hafiz Hamzah, Undang-Undang Tidak Boleh Jaga Moral Awam?, al-Islam, Jun 2005. hlm.19.

20 Khalif Muammar b. A. Harris dan Adibah Mukhtar, Perdebatan Kontemporari Mengenai Kesetaraan Gender: Islamis Versus Feminis Muslim, Proceedings International Seminar On Muslim Women, anjuran UTM, 2&3 April 2005, Sofitel Palm Resort, Johor, hlm. 732.

21 Atiah Muhammad Salim, *Mauqifu al-Ummah min Ikhtilaf al-Aimmah*, Maktabah Dar al-Turath, Madinah, hlm.53.

22 Ali Naif Baqqaie, *al-Ijtihad fi Ilmi al-Hadith wa Atharuhu fi al-Fiqh al-Islami*, Dar al-Bashair al-Islamiah, Beirut, ctk.1, 1998/1419H, hlm.563.



pun tidak sama. Oleh itu, berijtihad tidak terhad kepada *muhaddithin* yang menentukan kesahihan hadith atau kedaifannya semata-mata, bahkan ia turut melibatkan para *usuliyyin* yang telah meletakkan usul-usul dalam perbahasan sunnah dan turut melibatkan para *fuqaha'* yang kerja mereka mengistinbatkan hukum-hakam berlandaskan kaedah usul dan hukum hadith tersebut.<sup>23</sup> Di waktu yang sama, mereka tidak berbalah, malah mereka saling bantu membantu dan kasih mengasihi di antara satu sama lain.

Ulama-ulama Islam yang muktabar termasuk imam-imam mazhab yang empat, mereka semuanya menjadikan al-Qur'an dan al-sunnah sebagai rujukan utama mereka. Merekalah orang yang paling prihatin untuk berpegang dengan kedua-duanya dan yang paling berhati-hati agar pandangan mereka tidak lari daripadanya. Seruan ke arah pandangan yang satu dalam masalah *furu'* (cabangan) adalah baik tetapi ia sukar dilakukan. Sebab itulah Imam Malik r.h.m. telah menolak kemahuan Abu Jaafar yang mahukan orang ramai berpegang kepada *al-Muwatta'*. Imam Malik r.h.m pernah berkata.:

إِنَّ أَصْحَابَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَفَرَّقُوا فِي الْأَمْصَارِ، وَعِنْدَ كُلِّ قَوْمٍ عِلْمٌ، إِذَا حَمَلْتُمُوهُمْ عَلَى رَأْيِي تَكُونُ فِتْنَةً.

Sesungguhnya para sahabat Rasullullah s.a.w. bertebaran di segenap tempat, setiap kaum mempunyai ilmu mereka yang tersendiri, apabila aku mengarahkan mereka berpegang kepada pandangan yang satu, tentu akan menjadi fitnah.<sup>24</sup>

Pada tahun 1965 satu seminar pendekatan antara mazhab-mazhab Islam diadakan di Kaherah, Syeikh Ahmad Hassan al-Baquri waktu itu sebagai Syeikh al-Azhar dijemput menyampaikan satu ucapan. Beliau dalam ucapannya menyampaikan suatu pandangan yang sangat menarik, katanya: "Islam pada dasarnya sebuah agama yang tidak menuntut penyatuan antara mazhab, tetapi mengutuk perselisihan antara mazhab hingga membawa permusuhan". Beliau merujuk setiap perbezaan pendapat kepada dua faktor utama, pertama; nas yang muhtamal dan kedua; akal yang berbeza. Jesteru itu penyatuan di antara mazhab tidak mungkin berlaku dan selanjut beliau berpendapat: "saya berpendapat pendekatan antara mazhab hendaklah setiap pihak memahami pendapat pihak lain". Merujuk kepada perbezaan pemikiran yang berpunca daripada faktor-faktor nas dan akal

23 Ali Naif Baqqaie, *al-Ijtihad fi Ilmi al-Hadith wa Atharuhu fi al-Fiqh al-Islami*, hlm. 564.

24 Majmu<sup>c</sup> Rasail Imam Hassan al-Banna, Dar al-Dakwah, Iskandariah, 1990/1411H, hlm. 177.



yang berbeza, maka secara *tabi'i* setiap kumpulan terasa indah jalan fikiran yang dipilihnya<sup>25</sup>.

Firman Allah s.w.t.<sup>26</sup> :

كُلُّ حَزْبٍ بِمَا لَدِيهِمْ فَرَحُونَ

Maksudnya: *Setiap kumpulan bergembira dengan apa yang ada padanya.*

*Mengithbatkan* hukum daripada al-Qur'an dan sunnah bukan perkara yang boleh dibuat oleh sesiapa sahaja, pengithbatan memerlukan kearifan terhadap usul-usul yang ditetapkan. Tidak semua orang yang menghafal hadith itu memahami maknanya lalu berupaya mengithbatkan hukum daripadanya. Orang yang diinginkan Allah s.w.t. kebaikan, Ia akan memahamkannya dalam perkara agama. Laith bin Saad berkata: "Sesuatu hadith itu boleh membawa kepada kesesatan melainkan bagi para fuqaha". Kata Abdullah bin Wahab: "Aku telah bertemu dengan 360 orang alim, kalau tidak kerana Malik dan Laith sudah pasti aku sesat".<sup>27</sup>

#### 4.4.3 HUKUM ALLAH DAN HUKUM ULAMA

Mereka membahagikan hukum Islam kepada dua bahagian, pertama; hukum Allah dan rasulNya yang muktamad yang tidak boleh dipinda dan dipertikaikan, kedua; hukum ulama yang tidak muktamad yang boleh sahaja dipertikaikan. Pembahagian hukum Islam seumpama ini pada dasarnya adalah betul, tetapi dikhawatiri mereka sebenarnya mempunyai agenda tersembunyi di sebaliknya, sebagaimana kata orang: **كلمة الحق يراد بها الباطل**. Dengan demikian, mereka mudah mengkritik dan memperlekehkan hukum yang telah ditetapkan oleh para ulama.

Ulama Islam akan berijtihad ketika berinteraksi dengan perkara-perkara baru yang ketiadaan nas. Walaupun ijihad tidak termasuk di dalam *tashri'*<sup>28</sup>, ia bukanlah perkara mudah yang membolehkan sesiapa sahaja melakukannya. Sebagaimana ia juga bukan perkara yang boleh ditolak dengan begitu sahaja tanpa alasan yang kukuh.

25 Sabri al-Ashwah, al-Tafkir 'inda al-Aimmah, Beirut, 1977, hlm. 109.

26 Al-Qur'an, surah al-Rom, 32.

27 Ali Naif Baqqae, al-Ijtihad fi Ilmi al-Hadith wa Atharuhu fi al-Fiqh al-Islami, hlm. 567.

28 Ijtihad adalah pandangan seorang mujtahid dalam usahanya menentukan hukum Allah s.w.t. dan ini tidak dinamakan *tashri'*. *Tashri'* hanyalah hukum yang berlandaskan al-Qur'an dan sunnah, lihat : Muhammad b. Hussain al-Jizani, Ma'alim Usul al-Fiqh 'inda ahli al-Sunnah wa al-Jamaah, Dar Ibn al-Jauzi, KSA, ctk.2, 1422H, hlm. 470.



Pemikiran ketua anti hadith Kassim Ahmad adalah lebih ketat lagi, di mana beliau membahagikan undang-undang kepada dua iaitu; undang-undang al-Qur'an dan undang-undang selain daripada al-Qur'an. Undang-undang yang ditetapkan oleh Nabi s.a.w. termasuk di dalam undang-undang lain yang tidak mengikat umat Islam. Kassim Ahmad berkata:

Nabi Muhammad sendiri telah menggubal sebuah perlumbagaan untuk negara kota Madinah bila beliau dan pengikut-pengikutnya berhijrah ke sana. Namun demikian, Piagam Madinah yang boleh dianggap sebagai sebuah hadith, tidak mengikat umat Islam seperti al-Qur'an mengikat kita. Perbedaan di antara undang-undang al-Qur'an dengan undang-undang lain (termasuk yang dibuat oleh nabi sebagai ketua kerajaan) ialah yang pertama bersifat mutlak dan universal dan yang kedua bersifat relatif dan setempat.<sup>29</sup>

## PENUTUP

Aliran pemikiran golongan anti hadith dan liberal di Malaysia sedang hebat berkembang dan berjaya mengumpul pengikut yang ramai. Bahaya pemikiran aliran ini ialah kecenderungan mereka untuk melewati parameter keagamaan apabila mereka menuntut tafsiran Islam yang pluralis dan subjektif , pemisahan politik dan agama dan pembebasan dari tafsiran ulama silam. Mereka berusaha untuk membebaskan masyarakat Islam dari belenggu tafsiran agama yang dianggap mereka sebagai sempit. Kajian yang dijalankan membuktikan pergantungan secara melampau aliran ini kepada penggunaan akal tanpa diseimbangkan dengan kefahaman al-Quran dan al-hadith yang sebenar.

29 Lihat lampiran: Masalah Hadith/Sunnah II Penolakan Teori Ahli-Ahli Hadith, Artikel yang diberikan Kassim Ahmad kepada Ust. Idris Zakaria.